



**UCAPTAMA  
KETUA PENGARAH  
PLANMALAYSIA**

**SEMPENA**

**WEBINAR  
PERANCANGAN GUNA TANAH  
UNTUK  
SEKURITI MAKANAN NEGARA**

**TARIKH :  
12 OGOS 2021 / 3 MUHARAM 1443H  
(KHAMIS)**

**MASA :  
9.10 PAGI – 9.40 PAGI**

***SECARA ATAS TALIAN***

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera;

Yang Berbahagia Dato'-Dato', Tuan-Tuan, Puan-Puan dan sidang hadirin yang dihormati sekalian,

## **PENGENALAN**

1. **Menjelang tahun 2040**, Jabatan Perangkaan Malaysia **menganggarkan penduduk Malaysia dijangka mencapai jumlah 41.5 juta** orang berbanding hanya 28.5 juta orang pada tahun 2010. Peningkatan ini **memberi kesan pembangunan terutama di kawasan perbandaran bagi memenuhi keperluan pekerjaan, penempatan dan sumber bekalan makanan penduduk di masa akan datang**. Sumber makanan yang dimaksudkan di sini ialah **padi dan beras, sayur-sayuran dan buah-buahan. Termasuk juga penternakan, perikanan dan akuakultur**.

### **Isu Sekuriti Makanan Negara**

2. Dalam berhadapan dengan jangkaan peningkatan jumlah penduduk tersebut, Isu yang dibimbangi adalah **ketidakpastian kestabilan sumber bekalan makanan, dalam menjamin sekuriti makanan negara** yang mencukupi. Ini disebabkan beberapa faktor iaitu, **kadar sara diri atau *self-sufficiency level* (SSL) yang tidak mencukupi serta import bersih makanan yang semakin meningkat**. Dari segi sekuriti makanan negara, *The Economist Intelligence Unit (2021)* melaporkan, bahawa **Malaysia berada di kedudukan ke-43 dari 113 negara dalam *Global Food Security Index* atau GFSI**.

3. **Untuk makluman semua**, berdasarkan sumber daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan pada tahun 2020, **tahap SSL sektor pengeluaran makanan pada tahun 2018 adalah rendah** seperti beras 69.0%, daging lembu 22.9%, daging kambing 10.9%, susu segar 61.3%, produk tenusu 5%, buah-buahan 78.4% dan sayur-sayuran 44.6%. Hasilnya, negara kita menjadi pengimport makanan dengan defisit imbalan perdagangan yang meningkat saban tahun. Seterusnya, Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia menyatakan **defisit imbalan perdagangan makanan adalah RM1.1 bilion pada tahun 1990 telah meningkat kepada RM8.5 bilion dalam tahun 2006 dan melonjak kepada RM18.6 bilion pada 2018**.
  
4. Selain itu, Jaminan bekalan makanan dijangka terus meruncing kesan daripada perubahan iklim dan faktor luar jangka seperti pandemik COVID-19. Ancaman bencana semula jadi **turut memberi impak negatif kepada sektor pertanian terutamanya pertanian tanaman makanan**. Akhbar The Star pada tahun 2015 memetik bahawa industri makanan telah mengalami kerugian yang dianggarkan mencecah RM299 juta disebabkan kemusnahan infrastruktur dan aset pengeluaran berkaitan pertanian akibat banjir besar di negeri-negeri di Utara Semenanjung Malaysia. Pada awal tahun 2020 pula, kemarau terburuk dalam tempoh empat dekad memberi kesan kepada penanaman padi di Negeri Kedah, Pulau Pinang dan Kelantan seperti yang dilaporkan oleh BERNAMA.

5. Sebagai tambahan, akhbar Mingguan Malaysia pada awal tahun 2021 melaporkan **pandemik COVID-19 memberi impak yang cukup besar kepada agenda sekuriti makanan negara**. Perintah Kawalan Pergerakan atau PKP telah mengganggu sektor pertanian tanaman makanan dari segi aktiviti pengeluaran, pemprosesan dan pengedaran kepada pengguna. Bahkan, terdapat kes petani sayur-sayuran di Cameron Highlands terpaksa membuang hasil tanaman mereka kerana tidak dapat diedar dan dijual kepada pengguna akibat daripada sekatan pergerakan dan penutupan operasi pasar dan gerai sayuran seperti yang dilaporkan portal *Malaysiakini* pada tahun 2020.

### **Persaingan Sumber Tanah**

6. **Persaingan sumber tanah merupakan salah satu cabaran** yang perlu ditangani, bagi memastikan pengeluaran sumber bekalan makanan yang mencukupi dan mampan. **Tanah pertanian dihimpit tekanan pembangunan seperti perumahan dan komersial yang menawarkan pulangan nilai yang lebih tinggi, serta menerima persaingan hebat daripada pertanian komoditi.** Tanah pertanian terbahagi kepada dua jenis iaitu; pertanian tanaman makanan dan pertanian komoditi. Jika kita perhatikan data daripada Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia pada tahun 2020, sumber tanah untuk tanaman makanan iaitu kawasan jelapang padi, buah-buahan dan sayur-sayuran di Semenanjung Malaysia pada tahun 2018 adalah seluas 515 ribu hektar. Manakala, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi memaklumkan sumber tanah bagi pertanian komoditi (kelapa sawit dan getah) adalah seluas 3.49 juta hektar. **Secara perbandingan,**

**keluasan kawasan tanah pertanian komoditi adalah lebih kurang 7 kali ganda daripada keluasan tanah untuk tanaman makanan di Semenanjung Malaysia.**

7. Namun, **situasi persaingan sumber tanah adalah berbeza di Tanah Tinggi Cameron Highlands. Pertanian sayur-sayuran mendominasi sebahagian besar tanah di sini.** Cameron Highlands merupakan kawasan pengeluaran sayur-sayuran yang tertinggi di Semenanjung Malaysia dengan kawasan keluasan bertanam berjumlah 8,940 hektar pada tahun 2019. Menurut Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia, sejumlah 74% keluaran sayur-sayuran di Negeri Pahang adalah daripada Cameron Highland dan ia bersamaan 32% daripada keluaran sayur-sayuran di Semenanjung Malaysia. Sayur-sayuran di Cameron Highlands mendapat permintaan yang tinggi, sehingga dieksport ke luar negara. Akibat daripada kerancakan aktiviti pertanian sayur-sayuran tersebut, **telah mengancam sumber asli seperti hutan, merubah bentuk muka bumi semula jadi melalui penerokaan haram kawasan lereng bukit dan pembuangan sisa pertanian secara haram.** Berdasarkan situasi ini, adalah penting untuk kawasan pertanian sumber makanan perlu dirancang dengan mengambil kira semua faktor termasuklah faktor alam sekitar, bencana dan aktiviti manusia.

## PERANAN PLANMALAYSIA DALAM KONTEKS SEKURITI MAKANAN

Yang Berbahagia Dato'-Dato', Tuan-Tuan, Puan-Puan dan Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

### Draf Rancangan Fizikal Negara Ke-4 (Draf RFN Ke-4)

8. Dalam memastikan sekuriti makanan negara terjamin dari segi produktiviti pengeluaran, **perancangan pengekalan kawasan sumber makanan negara perlu dirangka sebaik mungkin** disebabkan terdapat persaingan sengit antara sumber tanah yang lain seperti yang saya telah sebutkan tadi. Untuk itu, bagi PLANMalaysia dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), perancangan dibuat melalui pelbagai peringkat. Dasar-dasar di peringkat negara oleh KPKT dan perancangan fizikal dibuat oleh PLANMalaysia melalui penyediaan rancangan-rancangan pembangunan seperti Rancangan Fizikal Negara (RFN), Rancangan Struktur (RS) dan Rancangan Tempatan (RT).
9. PLANMalaysia juga ada menyediakan garis panduan-garis panduan perancangan yang berkaitan seperti Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau. Sehubungan itu, KPKT juga telah melancarkan Dasar Kebun Komuniti untuk menggalakkan masyarakat menanam sendiri sumber makanan mereka. **Draf Rancangan Fizikal Negara Ke-4 (Draf RFN Ke-4)** yang sedang disediakan oleh PLANMalaysia juga **memberi fokus kepada perancangan guna tanah bagi produk agromakanan dengan**

**mengambil kira peningkatan produktiviti pengeluaran semasa dan tahap SSL negara.**

10. Sebagai makluman tambahan, Rancangan Fizikal Negara (RFN) disediakan bagi membantu memperkukuhkan Rancangan Pembangunan Lima Tahun Negara atau Rancangan Malaysia Lima Tahun. **RFN merupakan sebuah dokumen yang merumuskan dasar-dasar strategik bagi maksud menentukan haluan dan arah aliran am pempajuan fizikal bagi negara terutamanya di Semenanjung Malaysia.** RFN merupakan satu pelan perancangan pembangunan negara yang **menterjemah dan menyelaraskan dasar-dasar pembangunan ekonomi, sosial dan sektoral lain termasuk pertanian ke dalam dimensi fizikal dan spatial.**
11. Dalam konteks perancangan negara, dokumen RFN **menjadi rujukan pelbagai kementerian, jabatan, agensi dan badan berkaitan** mengikut bidang kuasa masing-masing. Seterusnya, dokumen ini akan diterjemahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui dokumen Rancangan Struktur (RS) dan Pihak Berkuasa Tempatan melalui Rancangan Tempatan (RT). Selain dari itu, **Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau** juga telah dihasilkan bagi memudahkan kepada Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan atau PBPT dalam menguruskan aktiviti '*urban farming*' dalam kawasan pentadbiran mereka.
12. **Perkhidmatan perancangan bandar** yang wujud di tiga (3) peringkat pentadbiran negara iaitu; persekutuan, negeri dan tempatan, **sentiasa menjalinkan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak** bagi memandu hala tuju perancangan agar selaras

dan seragam di setiap peringkat. Antaranya, **jalinan kerjasama PLANMalaysia bersama pihak Jabatan Alam Sekitar** telah memperkukuhkan aspek **mengurus dan mengawal selia pembangunan di kawasan sensitif alam sekitar atau KSAS**. Seterusnya, bagi memastikan rangkaian kawasan hutan di **Semenanjung Malaysia dan biodiversiti negara dipelihara secara berkesan pula**, PLANMalaysia bekerjasama erat bersama **Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia**, untuk menyediakan Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (CFS). Hasilnya, beberapa Pihak Berkuasa Negeri telah melaksanakan inisiatif yang bersifat proaktif dengan cara mewartakan kawasan baharu hutan simpan kekal bagi memperkukuh daya tahan hidupan liar dan tumbuhan terhadap kesan perubahan persekitaran.

13. Kini, PLANMalaysia mengambil **inisiatif baharu dengan menjalinkan kerjasama dengan pihak Kementerian Pertanian dan Industri Makanan atau MAFI serta jabatan-jabatan di bawahnya untuk memperkukuhkan strategi berkaitan jaminan bekalan makanan yang menjadi prinsip utama kepada Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN2.0) dan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025**. PLANMalaysia menyedari bahawa sumber asli, sumber warisan dan sumber makanan adalah sangat penting untuk dipelihara kerana ia menyumbang kepada ekonomi dan memberi kesan kepada kelangsungan hidup rakyat. **Bagi melaksanakan strategi untuk menjamin bekalan makanan yang mencukupi, Draf RFN Ke-4 telah mencadangkan beberapa pendekatan yang berkaitan**



dengan **Sekuriti Makanan** iaitu, **Pertama** adalah pelaksanaan **pengekalan kawasan sumber makanan negara khususnya jelapang padi**. **Kedua**, **peningkatan tahap sara diri makanan iaitu beras, sayur-sayuran dan buah-buahan** bagi **mengurangkan kebergantungan import dari luar serta Ketiga** **meluaskan penggunaan teknologi terkini bagi meningkatkan produktiviti sektor pertanian**. Bagi memperkukuhkan hasrat ini, **PLANMalaysia** telah memulakan **Kajian Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Negara**, bermula pada bulan **Mac 2021 sehingga September 2022**, yang bermatlamat **“Menyediakan Pelan Induk Guna Tanah Bagi Pengekalan, Pemeliharaan, Pemuliharaan dan Peningkatan Kawasan Sumber Makanan Negara Menjelang 2040”**.

Yang Berbahagia Dato'-Dato', Tuan-Tuan, Puan-Puan dan sidang hadirin yang dihormati sekalian,

### **Guna Tanah Di Semenanjung Malaysia**

14. **Kedapatan sumber data spatial berkaitan pertanian merupakan satu langkah penting dalam mengenalpasti kawasan pertanian sumber makanan negara**. Selain pernyataan hala tuju, dasar dan perincian cadangan, dokumen **Rancangan Pemajuan** turut **mengeluarkan output utama iaitu peta guna tanah dalam format spatial yang dicerap dan disimpan melalui Sistem Maklumat Geografi (GIS) atau I-Plan** bagi memudahkan perkongsian maklumat. Justeru itu, peta guna tanah ini mampu **memudahkan sistem penyampaian maklumat kepada pengguna melalui proses carian maklumat guna tanah yang cepat dan terkini**.

15. Melalui Sistem I-Plan ini, dapatlah ditunjukkan bahawa, guna tanah utama di Semenanjung Malaysia adalah terdiri daripada **empat (4) jenis guna tanah utama iaitu tepu bina, hutan, pertanian dan badan air yang berjumlah 13,181,197 hektar**. Data guna tanah ini adalah data asas yang telah digunakan dalam dokumen Draf Rancangan Fizikal Negara Ke-4 untuk tujuan analisa dan perbandingan.
  
16. Daripada jumlah keluasan tersebut, guna tanah hutan adalah guna tanah **tertinggi** iaitu **sebanyak 47.3% atau 6.2 juta hektar**. Manakala, **guna tanah kedua tertinggi ialah guna tanah pertanian** iaitu sebanyak **39.9% atau 5.3 juta hektar**. Ketiga tertinggi adalah tepu bina 10% atau 1.3 juta hektar dan badan air 2.7% atau 358 ribu hektar. Tiga (3) negeri yang mempunyai keluasan guna tanah pertanian tertinggi ialah Negeri Pahang 22.88% (1.2 juta hektar), Negeri Johor 21.8% (1.1 juta hektar) dan Negeri Perak sebanyak 15.13 % (800 ribu hektar).

### **Analisa Perbandingan Guna Tanah di Semenanjung Malaysia**

17. Melalui Sistem I-Plan juga menunjukkan **terdapat perubahan trend guna tanah dari tahun 2017 hingga 2020**, di mana didapati **terdapat peningkatan keluasan guna tanah tepu bina** sebanyak **9.10% (110 ribu hektar)**. Ini dapat dilihat dari jumlah keluasan guna tanah tepu bina pada tahun **2017 adalah 1.21 juta hektar** telah meningkat kepada **1.32 juta hektar pada tahun 2020**. Peningkatan ini telah menyumbang kepada **penurunan keluasan guna tanah**

**hutan** sebanyak 1.18% (74 ribu hektar) iaitu dari 6.312 juta hektar pada tahun 2017 kepada 6.238 juta hektar pada tahun 2020.

18. Peningkatan keluasan guna tanah tepu bina juga memberi kesan kepada guna tanah pertanian. **Secara keseluruhan, telah berlaku penurunan keluasan guna tanah pertanian sebanyak 0.58%** (30 ribu hektar) iaitu daripada 5.296 juta hektar pada tahun 2017 dan telah menurun kepada 5.266 juta hektar pada tahun 2020.
19. Berdasarkan data berkenaan, **keluasan guna tanah pertanian di Semenanjung Malaysia pada tahun 2020 telah didominasi oleh pertanian komoditi** sebanyak 80.69% (4.2 juta hektar), **pertanian makanan sebanyak 16.75% (917 ribu hektar)** dan lain-lain pula sebanyak 2.55% (134 ribu hektar). Dari segi **perubahan guna tanah pertanian makanan**, menunjukkan **penurunan keluasan sebanyak 53 ribu hektar (0.51%)**, iaitu **daripada 970 ribu hektar pada tahun 2017 kepada 917 ribu hektar pada tahun 2020. Kehilangan sebenar** guna tanah pertanian makanan ialah **30 ribu hektar**, kerana 23 ribu hektar telah ditukar guna menjadi guna tanah pertanian bukan makanan.
20. **Pertanian sumber makanan yang tinggi ditanam di Semenanjung Malaysia adalah tanaman padi** iaitu sebanyak 40.5% atau 371 ribu hektar. Lain-lain jenis pertanian makanan sebanyak 38.86% atau 356 ribu hektar, buah-buahan 16.09% atau 147 ribu hektar, penternakan 2.21% atau 20 ribu hektar, akuakultur 1.62% atau 14 ribu hektar dan sayur-sayuran sebanyak 0.7% (6400 hektar).

21. **Tumpuan utama dalam agenda pengurusan jaminan bekalan makanan negara ialah tanaman padi.** Seperti semua sedia maklum, Negeri Kedah merupakan kawasan pengeluaran utama padi negara dengan mencatatkan jumlah tertinggi kawasan penanaman padi melebihi 119 ribu hektar atau 32.02%. Ia bersamaan 1/3 daripada keseluruhan tanaman padi Negara, diikuti Negeri Terengganu dengan 16.52% (61 ribu hektar) dan Negeri Kelantan sebanyak 14.28% (53 ribu hektar) yang meliputi kawasan jelapang padi dan luar jelapang padi.
22. Apa yang lebih penting untuk kita perhatikan di sini ialah, daripada semakan data I-Plan, berlaku pengurangan keluasan **kawasan tanaman padi seluas hampir 40 ribu hektar atau 9.73% dari tahun 2017 hingga 2020 atau daripada sejumlah 411 ribu hektar kepada hanya 371 ribu hektar.** Dalam tempoh yang sama, Laporan Buletin Suku Tahunan Bank Negara Malaysia (BNM) Suku Ketiga 2019 melaporkan **tahap SSL bagi beras negara ialah 70% pada tahun 2016.** Kementerian Pertanian dan Industri Makanan pula melaporkan tahap SSL beras negara bagi tahun 2019 ialah **63%.** Ini jelas menunjukkan bahawa, salah satu faktor penurunan tahap SSL beras negara ini adalah berkaitan dengan kehilangan guna tanah kawasan padi tersebut.
23. Setakat ini, kita bernasib baik kerana terdapat **10 kawasan tanaman padi yang telah dikatakan sebagai kawasan jelapang padi di Semenanjung Malaysia.** Kawasan padi ini perlu dilindungi melalui **instrumen perundangan bagi memperkukuh kawasan jelapang padi** termasuklah kawasan tanaman padi di luar jelapang padi **supaya tahap SSL tidak terus menurun** pada setiap tahun.

Oleh yang demikian, bagi memastikan perkara ini tidak terus berlaku, **perancangan guna tanah perlu digabung dengan pengurusan kawasan sumber makanan secara lebih tersusun.** Ini boleh dilakukan dengan mendapatkan **kerjasama dan komitmen sepenuhnya daripada Pihak Berkuasa Negeri kerana kita sedia maklum tanah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.**

24. Selain daripada beras, tahap SSL makanan lain yang merangkumi produk sayur-sayuran, buah-buahan, perikanan dan ternakan juga perlu dipertingkatkan. Antara langkah-langkah sesuai dilaksanakan adalah **melalui pengukuhan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) yang melibatkan 68 buah TKPM di Malaysia termasuklah kawasan ruminan dan akuakultur. Penggunaan teknologi terkini juga perlu diberi tumpuan bagi meningkatkan pengeluaran sumber makanan negara.** Namun demikian, sebahagian besar **kawasan TKPM masih belum diwartakan oleh Pihak Berkuasa Negeri** dan ini memberi kesan kepada kestabilan sumber bekalan makanan yang mampan pada masa akan datang.

25. Secara lebih menyeluruh, situasi penurunan guna tanah pertanian ini juga dipengaruhi beberapa faktor iaitu :

**a) Penambahan Jumlah Penduduk Bandar di Malaysia**

**Peningkatan kawasan tepu bina di Semenanjung Malaysia berkait rapat dengan penambahan jumlah penduduk di Malaysia. Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia,**

peratusan penduduk bandar telah meningkat daripada 71% pada tahun 2010 kepada 76.6% pada tahun 2020. Ini bermakna **bagi setiap 10 orang penduduk di Malaysia, lapan (8) orang adalah penduduk yang tinggal di bandar.**

**Proses migrasi penduduk luar bandar ke bandar juga menyumbang kepada kadar perbandaran** di Malaysia dan berlakunya penawaran tanah bagi pembangunan kawasan perumahan, penyediaan pekerjaan, perkhidmatan, kemudahan masyarakat serta infrastruktur dan utiliti seperti jalan, elektrik, air dan jaringan telekomunikasi.

**b) Tekanan pembangunan kepada guna tanah pertanian di pinggir bandar**

**Guna tanah pertanian di pinggir bandar menghadapi tekanan pembangunan yang sangat kuat** sehingga sering menyebabkan **berlakunya proses penukaran guna tanah pertanian kepada guna tanah tepu bina.** Sebagai contoh, penukaran guna tanah daripada pertanian kepada perumahan bagi memenuhi permintaan penduduk yang semakin meningkat.

**c) Perkembangan bandar di Semenanjung Malaysia**

Tanah-tanah di bawah kategori pertanian telah ditukar kepada guna tanah perumahan, perbandaran dan pembangunan infrastruktur bagi memenuhi permintaan pasaran. Contohnya perubahan guna tanah Negeri Kedah berdasarkan data satelit

Landsat antara tahun 1995 dan 2015. Perubahan guna tanah kawasan bukan pertanian telah bertambah dengan ketara di kawasan Sungai Petani, Daerah Kuala Muda dan Alor Setar, Daerah Kota Setar. **Fenomena ini berlaku berikutan tekanan pembangunan pesat di sekeliling tanah pertanian terutamanya tanah pertanian terbiar dan tidak subur sekaligus memberi kesan segera kepada tanah pertanian setempat** dan sudah pasti akan menjejaskan bekalan sumber makanan negara. Ini memerlukan satu kajian mendalam bagi menilai kecenderungan, minat dan persepsi masyarakat untuk membangunkan pertanian yang terbiar dan tidak produktif.

## **HALA TUJU**

Yang Berbahagia Dato'-Dato', Tuan-Tuan, Puan-Puan dan sidang hadirin yang dihormati sekalian,

26. **Dokumen Rancangan Pemajuan iaitu RS dan RT merupakan sebuah dokumen statutori yang perlu menjalani proses pewartaan sebelum boleh digunapakai.** Melalui dokumen Rancangan Pemajuan ini, Pihak Berkuasa Negeri dan Tempatan akan menjadikannya sebagai **satu alat bagi tujuan kawalan pembangunan, penguatkuasaan dan kawalselia perancangan** di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Selain itu, kita perlu melihat mekanisme pembangunan pertanian sumber makanan di kawasan luar bandar, pinggir bandar dan dalam bandar dengan lebih praktikal dan berdaya maju.

27. Dalam konteks pengendalian kawasan sumber makanan negara, terutama untuk menjamin sekuriti makanan, mengurangkan kebergantungan nilai import bahan makanan dan meningkatkan tahap SSL, beberapa langkah utama adalah dicadangkan seperti berikut:

- a) **Memperkuh pemakaian Rancangan Pemajuan yang diwartakan sebagai alat kawalan pembangunan dan pelaksanaan kebenaran merancang bagi aktiviti pembangunan pertanian sumber makanan.** Dengan itu, keluasan kawasan pertanian sumber makanan dapat dipelihara dan dikekalkan mengikut kawasan yang telah diwartakan;
- b) **Melaksanakan proses pemantauan secara berterusan sama ada secara fizikal mahupun melalui Sistem Maklumat Geografi** terhadap kawasan pertanian sumber makanan bagi menghasilkan pelan tindakan dan strategi pengendalian, pemeliharaan, pemuliharaan, dan peningkatan kawasan pengeluaran sumber makanan negara;
- c) **Menyediakan perancangan yang lebih berkesan** dalam membangunkan pertanian makanan sama ada di luar bandar atau bandar melalui **kemudahan infrastruktur dan utiliti serta kemudahan sokongan teknologi pertanian** terkini seperti *internet of thing* (IoT), teknologi pertanian pintar (AgTech), *smart farming* dan proses digitalisasi pertanian. Ini dapat mengukuhkan bidang penyelidikan dan pembangunan pertanian makanan yang diterajui MARDI. Saya juga suka untuk mencadangkan di sini supaya **MARDI memulakan penyelidikan bagi kaedah**



**'vertical farming'** bagi tanaman dan ternakan. Ini akan dapat mengurangkan penggantungan pertanian di atas tanah yang semakin terhad; dan

- d) **Memperkukuhkan kerjasama strategik** antara semua pihak berkepentingan yang terlibat dalam aktiviti pertanian sumber makanan negara.

## **PENUTUP**

28. **Agenda sekuriti makanan negara** pada masa hadapan perlu lebih terjamin dan mampan. Ia **selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)** terutamanya Matlamat 2 berkaitan Kebuluran Sifar dan Matlamat 12 berkaitan Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab.
29. Negara perlu **memastikan kawasan pertanian sumber makanan seperti kawasan jelapang padi, sayur-sayuran, buah-buahan, penternakan dan perikanan tidak ditukar guna** kepada tujuan selain daripada pengeluaran makanan. **Penggunaan tanah-tanah bandar yang terbiar juga perlu diteroka untuk meningkatkan potensinya sebagai salah satu sumber *urban farming*** seperti tanah rezab sungai atau rezab jalan dan kawasan lapang atau kawasan rentis Tenaga Nasional Berhad. Perkara ini juga, selaras dengan **Dasar Kebun Komuniti Bandar** yang dilancarkan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan minggu lalu. Dasar ini yang berhasrat memperkasakan komuniti bandar dengan membangunkan kebun secara tersusun, sistematik dan mampan di kawasan bandar. Selanjutnya, dapat **memperkukuhkan peranan**

**Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam meneroka kawasan pertanian tanaman makanan di kawasan bandar**, lalu mengoptimumkan penggunaan kawasan walaupun kecil tapi mampu menghasilkan produktiviti tinggi. Ini secara langsung, akan menyumbang kepada **peningkatan pengeluaran makanan seterusnya tahap SSL makanan negara**.

30. Sebagai tambahan, kedua-dua Pihak Berkuasa Negeri dan Tempatan juga, disarankan menggunakan garis panduan-garis panduan perancangan yang telah dihasilkan oleh PLANMalaysia seperti Garis Panduan Perancangan Taman Atas Bumbung, Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau dan Garis Panduan Perancangan Pembangunan di Kawasan Bukit dan Tanah Tinggi **dapat memberi peluang dan ruang bagi menggalakkan pertanian sumber makanan** semasa mempertimbangkan permohonan kebenaran merancang bagi sesuatu pembangunan di kawasan bandar.
  
31. Walaupun berlaku **pengurangan tanah**, sektor **pertanian sumber makanan tetap diperlukan sepanjang masa** tanpa mengira turun naik harga atau kejutan pasaran. Situasi ini, jika disusun dan dirancang dengan baik mampu membuka pelbagai peluang seperti peluang pekerjaan, pendapatan dan sekuriti makanan penduduk. Bagi memastikan penggunaan tanah secara optimum dan efisien, **kesediaan tanah untuk sekuriti makanan negara adalah penting bagi menampung keperluan penduduk masa hadapan**. Kawasan yang tersedia untuk pembangunan perlu dibangunkan secara terancang dan berdasarkan kepada keperluan dan seiring dengan keperluan penduduk.

32. Walau bagaimana sekalipun, saya juga ingin menekankan bahawa pada zaman ini, tanah bukan lagi menjadi faktor penentu bagi sebarang pembangunan ekonomi. Kita perlu berubah kepada *knowledge-base economy*. Dalam sektor pengeluaran makanan ini, tumpuan perlu dipertingkatkan kepada perkembangan bioteknologi bagi mempertingkatkan produktiviti. Sebagai peneraju kepada perancangan bandar dan desa, PLANMalaysia akan sentiasa komited dalam **memastikan pembangunan yang seimbang terhadap agihan guna tanah antara pembangunan ekonomi dan keperluan menjamin sekuriti makanan negara**. Dengan ini, saya juga menyeru semua pihak bersama-sama berkolaboratif bagi mencapai hasrat tersebut. Kolaboratif ini boleh dihasilkan melalui penyertaan yang aktif semua pihak dalam menjayakan kajian Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Negara ini.
33. Akhir kata, saya sudahi ucapan ini dengan, Wabillahi Taufik Wal Hidayah. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan sekian, terima kasih.